Mohd Farhan Zulqarnain Mohd Yusof lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH BIL J-05–277–11 TAHUN 2013
MOHTARUDIN BAKI, TENGKU MAIMUN DAN AHMADI ASNAWI HHMR
8 JUN 2016

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dihukum mati atas pertuduhan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan oleh Mahkamah Tinggi — Perayu merayu terhadap sabitan dan hukuman — Faktor-faktor yang diambil kira oleh mahkamah dalam menjatuhkan hukuman — Sama ada faktor kemahuan seksual si mati menyumbang kepada kematian si mati — Faktor-faktor mitigasi

Ini adalah rayuan terhadap sabitan dan hukuman ke atas perayu atas kesalahan membunuh di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun'). Pada 11 Mei 2011, ibu ('SP3') dan bapa ('SP8') si mati telah pergi ke rumah si mati namun mereka mendapati si mati tidak berada di rumah tersebut sebaliknya, perayu dan dua orang lelaki Melayu yang berada di rumah si mati. Perayu telah memberitahu bahawa dia adalah rakan si mati dan menyatakan bahawa si mati telah pergi ke Kuala Lumpur untuk bertemu teman wanitanya. Perayu juga memberitahu keluarga si mati bahawa si mati ada menghantar 'sms' kepadanya memberitahu bahawa si mati telah pergi ke Genting Highlands. Pada keesokan harinya, SP3 dan SP8 telah sekali lagi pergi ke rumah si mati dan telah membuka pintu bilik ketiga rumah si mati yang sebelumnya berkunci. Di dalam bilik tersebut, SP3 menjumpai mayat si mati dalam keadaan tangan dan kaki terikat di belakang. Hasil bedah siasat pakar patologi forensik ('SP11') mengesahkan bahawa kematian si mati berpunca dari jerutan pada leher semasa perlakuan aktiviti seksual dikenali sebagai 'auto erotic asphyxia'. Pada 18 Mei 2011, ASP Airy Zaidi bin Nordin ('SP20') bersama dengan anggota-anggotanya telah mengekori perayu yang menggunakan kereta jenis Vios milik si mati dan menangkap perayu. Ketika ditangkap perayu memiliki dalam poket seluarnya dompet berwarna hitam milik si mati. Keterangan juga menunjukkan bahawa perayu telah membeli seutas rantai emas pada 12 Mei 2011 dengan menggunakan kad kredit Citibank milik si mati dan kemudian memajak gadaikan rantai emas tersebut.

Diputuskan, membenarkan rayuan; mengenepikan sabitan dan hukuman; dan menggantikan sabitan dengan sabitan di bawah s 304(a) Kanun:

(1) Dalam menjatuhkan hukuman ke atas perayu, mahkamah mengambil kira faktor-faktor bahawa si mati merupakan pengamal 'homoseksual'

dan ketika ditemui, jasad si mati berada dalam keadaan kedua tangannya terikat ke belakang dengan kedua-dua lututnya membengkok. Dari perincian-perincian tersebut, nyata si mati tidak berupaya untuk mengikat dirinya sehingga begitu rupa dan SP11 bersetuju bahawa ikatan-ikatan tersebut membawa kebarangkalian yang tinggi dibuat dengan bantuan pihak ketiga. Namun, si mati pastinya merelakan dirinya diikat sebegitu untuk mencapai puncak kepuasan seksual. Nyata faktor-faktor kausatif yang membawa kepada kematian si mati turut dikongsi dengan kemahuan seksual si mati. Perayu hanya 'partner' kepada aktiviti seksual tersebut. Perayu juga tidak menggunakan keganasan melampau yang membawa kepada kematian si mati (lihat perenggan 24–25 & 28–30).

(2) Mahkamah juga mengambil kira perbuatan perayu selepas kematian si mati yang tidak berterus terang dengan ibu bapa si mati dan seboleh-bolehnya ingin menyembunyikan kematian si mati daripada diketahui oleh mereka. Selain itu, faktor mitigasi juga diambil kira oleh mahkamah. Antara faktor mitigasi yang di ambil kira adalah perayu baru berusia 26 tahun, masih mempunyai ibu yang perlu ditanggung, tidak lagi berayah dan ini merupakan sabitan pertamanya. Sememangnya sebagai pesalah pertama, perayu layak diberi kelunakan atas hukuman yang wajar dikenakan. Berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan, perayu dihukum penjara selama 12 tahun bermula dari tarikh perayu ditangkap (lihat perenggan 31–32).

[English summary

This is an appeal against the conviction and sentence on the appellant for the offence of murder under s 302 of the Penal Code ('the Code'). On 11 May 2011, the mother ('SP3') and father ('SP8') of the deceased had gone to the house of the deceased, but they found the deceased was not at home, instead there was the appellant and two Malay men who were in the house of the decease. The appellant told him that he was a friend of the deceased and said that the deceased had gone to Kuala Lumpur to meet his girlfriend. The appellant also told the family of the deceased that the deceased had sent a 'sms' to say that the deceased had gone to Genting Highlands. The next day, SP3 and SP8 had once again went to the house of the deceased and had opened the door to the third room of the deceased's house which was previously locked. In the room, SP3 found the body of the deceased with his hands and feet tied behind. The post mortem forensic pathologist ('SP11') confirmed that his death was due to strangulation on the neck during the conduct of sexual activity known as 'auto-erotic asphyxia'. On 18 May 2011, ASP Airy Zaidi bin Nordin ('SP20') together with his members had followed the appellant who was driving a Vios car belonging to the deceased and arrested the appellant. When the appellant was arrested he had in his pocket pants a black wallet belonging to the deceased. Evidence also showed that the appellant had purchased a gold

chain on 12 May 2011 with a Citibank credit card belonging to the deceased and then pawn the gold chain.

Held, allowing the appeal; setting aside the conviction and sentence; and substituting the conviction with a conviction under s 304(a) of the Code:

(1) In sentencing the appellant, the court took into account factors that the deceased was a practitioner 'homosexual' and when found, the body of the deceased was with his hands tied behind his back with both knees bent. From the details, it was clear that the deceased was unable to tie himself up in such a way and SP11 agreed that the tied knots had a high probability that was created with the help of a third party. However, the deceased must have allowed himself to be tied as to reach the peak of sexual satisfaction. Real causative factors that led to the death of the deceased was also shared with the sexual desires of the deceased. The appellant was only a 'partner' to the sexual activity. The appellant did not use extreme violence that led to the death of the deceased (see paras 24–25 & 28–30).

(2) The court also took into account the appellant's actions after the death of the deceased were not forthright with the parents of the deceased and as far as possible to hide the death of the deceased from being known to them. In addition, a mitigating factor was also taken into account by the court. Among the mitigating factors taken into account was that the appellant was only 26 years old, still has a mother to be borne, no longer had a father and this was his first conviction. Indeed, as a first offender, the appellant was eligible for a lighter punishment which was properly imposed. Based on the factors set out, the appellant was sentenced to imprisonment for 12 years from the date the appellant was arrested (see paras 31–32).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 301–419.

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 304(a)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah Bil 45B-03 Tahun 2012 (Mahkamah Tinggi, Johor Bharu)

Rosli Kamarudin (Mohd Naufal Amran bersamanya) (Rosli Kamaruddin & Co) bagi pihak perayu.

Nahra bt Dollah (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Ahmadi Asnawi HMR:

[1] Perayu telah dibicarakan di atas pertuduhan berikut di hadapan Mahkamah Tinggi Johor Bharu:

> Bahawa kamu pada antara 10 Mei 2011 jam lebih kurang 10.30 malam hingga 12 Mei 2011 jam lebih kurang 11.30 malam bertempat di Tingkat 8, No. 2, Lagenda Tasek Apartment, Jalan Padi Makmur, dalam Daerah Johor Bharu, di dalam Negeri Johor Darul Ta'zim, telah melakukan bunuh ke atas Rashdan Bin Abdul Rahim (No. KPT 740408-01-5517) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Di akhir kes pembelaan, hakim bicara yang bijaksana telah mendapati perayu bersalah dan sabit di atas pertuduhan yang dikenakan tersebut. Perayu telah dihukum gantung di leher hingga mati.

[3] Rayuan di hadapan kami adalah terhadap sabitan dan hukuman yang dikenakan tersebut.

[4] Kami telah mendengar hujahan kedua-dua pihak dan meneliti keseluruhan rekod-rekod rayuan ('RR') yang difailkan. Kami telah membenarkan rayuan perayu seraya mengetepikan sabitan dan hukuman yang dikenakan ke atas perayu dan menggantikannya dengan satu sabitan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

[5] Setelah mendengar mitigasi perayu yang diunjurkan melalui peguambela yang bijaksana dan mendengar hujahan balas timbalan pendakwa raya ('TPR') yang bijaksana, kami telah memerintahkan supaya perayu dihukum penjara selama 12 tahun bermula daripada tarikh perayu ditangkap.

[6] Di atas hukuman yang dijatuhkan tersebut, pendakwa raya yang bijaksana telah memfailkan rayuan atas alasan hukuman tersebut tidak mencukupi.

[7] Sekarang kami turunkan alasan-alasan kami di atas hukuman yang dikenakan tersebut.

RINGKASAN FAKTA KES

[8] Pada 10 Mei 2011 jam lebih kurang 8.15 pagi, SP3 (Rubiah bt Yaacob) melihat anaknya, Rashdan bin A Rahim ('si mati'), keluar dari rumah mereka beralamat di Lot 1037, Jalan Denai 2, Kempas Baru, Tampoi, Johor Bharu, ke tempat kerjanya dengan memandu kereta Toyota Vios, nombor pendaftaran JLQ 609.

[9] Si mati bekerja sebagai penolong pengurus, Bahagian Pentabdiran, UDA Land South, Bandar Baru Uda, Johor.

[10] Keesokan harinya (11 Mei 2011) pada jam lebih kurang 6 pagi, SP3 mendapati si mati tidak pulang ke rumah seperti biasa. SP3 telah menggunakan telefon bimbitnya dengan No 013-7236778 untuk menelefon si mati di nombor 013-7700689. Panggilannya tidak dijawab dan memasuki 'voicemail'. Kemudian SP2 menerima 'sms' daripada telefon si mati, berbunyi 'sorry, lupa charge battery'.

[11] SP3 merasa pelik kenapa si mati menyatakan 'sorry' kerana kebiasaannya si mati akan 'return call' kepada SP3.

[12] Menurut SP3, kebiasaannya si mati akan tidur di rumah keluarga di alamat di atas pada hari bekerja dan hanya akan tidur di rumah si mati sendiri di Kondominium Lagenda Tasik pada hujung minggu sahaja.

[13] Pada kira-kira jam 3.30 petang hari yang sama (11 Mei 2011), SP8, bapa si mati (Ab Rahim bin Abdullah), telah ke Pejabat Pos UDA untuk membayar bil. Beliau telah ditegur oleh empat orang pekerja UDA yang sedang minum di Medan Selera bertanyakan mengapa si mati tidak datang bekerja pada hari tersebut. Selepas itu SP8 telah memaklumkan perkara yang sama kepada SP3.

[14] Pada hari yang sama SP8 dan SP3 bersama anaknya SP10 (Ruhaida bt Ab Rahim) telah pergi ke rumah si mati di Tingkat 08-02, Lagenda Tasek Apartment, Larkin, Johor Bharu. Mereka pergi pada waktu yang berlainan namun kedua-dua mereka mendapati si mati tidak ada di rumah tersebut. Sebaliknya mereka mendapati perayu bersama dua orang lelaki Melayu yang tidak dikenali berada di rumah si mati. Perayu telah memberitahu beliau adalah rakan si mati dan bekerja dengan Pejabat UDA di Kuala Lumpur dan tiba di rumah tersebut pada hari yang sama (11 Mei 2011) pada jam 1 pagi. Perayu juga memberitahu si mati tidak ada di rumah kerana si mati telah ke Kuala Lumpur menemui teman wanitanya.

[15] Perayu juga telah memberitahu keluarga si mati bahawa si mati ada menghantar 'sms' kepadanya memberitahu si mati telah pergi ke Genting Highlands.

[16] Pada 12 Mei 2011, pada jam lebih kurang 1 tengah hari, SP3 dan SP8 telah sekali lagi pergi ke rumah si mati untuk mengambil kunci rumah tersebut daripada perayu. Mereka masuk ke rumah tersebut dengan menggunakan kunci pendua dan mendapati perayu tidak berada di situ seperti dijanjikan sebelumnya. Sementara itu SP3 mendapati pintu bilik ketiga berkunci. SP3

berasa hairan kerana bilik tersebut tidak pernah dikunci oleh si mati sebelum ini. SP3 tidak dapat membuka pintu bilik ketiga kerana kunci pendua bilik berada di rumah mereka di Kempas. Sehingga jam 3 petang perayu tidak muncul di rumah tersebut. Kunci rumah tersebut akhirnya dipulangkan kepada SP3/SP8 oleh perayu di Pizza Hut, Perhentian Bas Larkin.

[17] Pada malam hari yang sama (12 Mei 2011), SP3 dan SP8 telah pergi semula ke rumah si mati kerana SP3 bimbang si mati mungkin telah dikurung atau diikat di dalam bilik ketiga yang dikunci. Selepas membuka pintu bilik ketiga, SP3 mendapati di dalam bilik tersebut terdapat bentuk tubuh manusia yang diselubungi dengan kain selimut. SP3 membuka kain selimut tersebut dan terkejut melihat mayat si mati dalam keadaan tangan dan kaki terikat di belakang. Tali ikatan tersebut bersambung ke leher si mati dan terdapat darah di atas lantai di kawasan muka si mati — lihat eksh P6 (8, 9, 12, 13, 14, 15, 16, 18).

[18] SP3 terus menghubungi anak lelakinya, Rashdi bin Ab Rahim (SP14) berhubung dengan penemuan mayat si mati. SP14 kemudian menghubungi polis yang mana kemudiannya dijadikan Larkin Report 3250/2011 (eksh P14).

[19] Bedah siasat telah dijalankan ke atas si mati oleh Dr Rohayu bt Shahar Adnan (SP11) pada 13 Mei 2011 jam 10.40 pagi. Dari hasil bedah siasat tersebut, SP11 mengesahkan bahawa kematian si mati berpunca dari jerutan pada leher ('ligature strangulation') semasa perlakuan aktiviti seksual dikenali sebagai 'auto erotic asphyxia'. Laporan bedah siasat SP11 adalah eksh P22, di ms 532, RR Jilid 2.

[20] Perayu ditangkap pada 18 Mei 2011 kira-kira jam 10 malam oleh SP20 (ASP Airy Zaidi bin Nordin) dengan anggota-anggota pasukannya selepas mengekori perayu yang memandu kereta Toyota Vios dengan nombor pendaftaran JLQ 609 (milik si mati) sampai ke rumah No 16, Jalan Adil, Kampong Melayu Majidee, Johor Bharu. Perayu ditangkap selepas berlaku pergelutan selama kira-kira sepuluh minit. Ketika ditangkap perayu memiliki dalam poket seluarnya dompet warna hitam kepunyaan si mati (eksh P53) yang mengandungi kad pengenalan si mati (eksh P55), lesen pemandu asal si mati (eksh P56A), lesen memandu bergambar si mati (eksh P56B), kad kredit Citibank Mastercard si mati (eksh P54) dan wang tunai RM10 (eksh P73).

[21] Hasil pemeriksaan ke atas kereta Toyota Vios (dicamkan melalui gambar eksh P8E) pula menemui Buku Simpanan Wadiah Maybank Islamic si mati (eksh P58); kad pekerja UDA Land si mati (eksh 57); dan kunci kereta Toyota Vios No pendaftaran JLQ 609 (eksh P74).

[22] Keterangan juga menunjukkan perayu telah menggunakan kad kredit Citibank si mati bagi membeli seutas rantai emas pada 12 Mei 2011, kira-kira jam 5.30 petang (eksh P62). Perayu kemudian telah memajak gadaikan rantai emas tersebut.

ALASAN-ALASAN PENGHUKUMAN

[23] Kami telah mengambil kira faktor-faktor berikut dalam menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara tersebut ke atas perayu.

[24] Dari pemeriksaan dubur si mati, SP11 (pakar patologi forensik) mendapati si mati adalah pengamal 'homosexual' dan 'auto erotic behaviour' adalah aktiviti seksual yang boleh berlaku pada kedua-dua golongan sama ada homosexual atau bisexual — lihat ms 204, rekod rayuan (RR) Jilid 1. 'Autoerotic' bermaksud 'intentional restriction of oxygen to the brain for sexual arousal'.

[25] SP11 seterusnya menyatakan jasad si mati berada dalam keadaan di mana kedua tangannya terikat ke belakang dengan kedua-dua lututnya membengkok. Terdapat satu tali berwarna putih yang terhasil dari kain yang telah dikoyakkan sepanjang 535cm dengan lebar 0.5cm yang dililit sebanyak lima pusingan pada bahagian leher dan disimpulkan kemudian bersambung dengan ikatan pada kedua-dua belah pergelangan tangan yang juga dililit beberapa pusingan (lima pusingan bagi pergelangan tangan kanan dan enam pusingan pada pergelangan tangan kiri) sebelum disimpulkan dan bersambung dengan ikatan pada buku lali kaki kiri yang dililit sebanyak enam kali sebelum dimatikan dengan satu simpulan (lihat gambar-gambar eksh P6 (12, 13, 14, 15, 16, 18) di ms 491 hingga 494, RR, Jilid II).

[26] SP11 juga menyatakan keadaan mayat si mati seperti di atas menunjukkan si mati terlibat dalam aktiviti seksual yang dikenali sebagai 'autoerotic asphyxia' menggunakan teknik ikatan 'bondage'. Berdasarkan letak ikatan kaki kiri digunakan sebagai alat untuk mengetatkan dan melonggarkan jerutan pada leher dalam membantu si mati mencapai puncak kepuasan ('orgasm') aktiviti seksual yang bergantung kepada tahap kekurangan oksigen atau *asphyxia* yang dialami oleh otak sebagai rangsangan terhadap kepuasan yang dicapainya.

[27] SP11 seterusnya menyatakan bedah siasat menunjukkan bahawa walaupun si mati menggunakan kaki kiri sebagai alat bantuan untuk melonggarkan jerutan di leher supaya si mati boleh bernafas semula, mekanisme bantuan ini gagal berfungsi menyebabkan mangsa terjerut dengan kuat sehingga membawa kepada kematiannya.

[28] Dari perincian-perincian di atas, nyata si mati tidak berupaya untuk mengikat dirinya sendiri sehingga begitu rupa dan SP11 bersetuju ikatan-ikatan tersebut membawa kebarangkalian yang tinggi dibuat dengan bantuan pihak ketiga (perayu). Namun apa pun, si mati pastinya merelakan dirinya diikat sebegitu untuk mencapai puncak kepuasan seksual.

[29] Nyata faktor-faktor kausatif yang membawa kepada kematian si mati turut dikongsi dengan kemahuan seksual si mati. Perayu hanya 'partner' kepada aktiviti seksual tersebut.

[30] Perayu tidak menggunakan keganasan melampau atau bertindak kejam ke atas si mati hingga membawa kepada kematian si mati. Apa yang berlaku hanya proses aktiviti seksual tersebut yang malangnya telah menyebabkan kematian si mati. Faktor ini adalah faktor terbesar yang mempengaruhi hukuman yang kami kenakan ke atas perayu.

[31] Perbuatan perayu selepas kematian si mati juga diambil kira. Perayu tidak berterus terang dengan ibu bapa si mati dan seboleh-bolehnya ingin menyembunyikan kematian si mati daripada diketahui oleh mereka. Perayu juga telah memberikan cerita yang bukan-bukan ke atas ketiadaan si mati di rumah si mati dan telah juga menggunakan harta si mati seperti kad kredit dan kereta si mati untuk keuntungan dirinya sendiri.

[32] Akhirnya kami juga telah mengambil kira mitigasi yang diunjurkan oleh si mati. Peguambela perayu menyatakan, antara lain, perayu baru berumur 26 tahun, masih mempunyai ibu yang perlu ditanggung, tidak lagi berayah dan ini merupakan sabitan pertamanya. Sememangnya sebagai pesalah pertama, perayu layak diberi kelunakan atas hukuman yang wajar dikenakan.

[33] Memandangkan kepada hal ehwal keseluruhan kes, kami memutuskan supaya perayu dihukum penjara selama 12 tahun, bermula dari tarikh perayu ditangkap.

Rayuan dibenarkan, sabitan dan hukuman diketepikan dan digantikan dengan sabitan di bawah s 304(a) Kanun Keseksaan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar